

DUA KALI

SA-BULAN

DI-TERBITKAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 10

BANDAR BRUNEI, 18 MAY, 1960 (22 Zulkaedah, 1379)

PERCHUMA

LANTEKAN 2 AHLI MAJLIS KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah melantek dua orang ahli Majlis Meshuarat Negeri, Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan.

Lantekan itu ia-lah untuk memenohi kerusi2 yang telah kosong antara ahli2 tidak rasmi berikutan dengan lantekan ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan menjadi ahli2 Majlis Pemangku Raja.

Bilangan ahli2 yang berjawatan itu ada-lah lebih dari yang di-tetapkan dalam perlembagaan, fasal 11, yang mensyaratkan bahawa majlis itu hendaklah mengandungi:

7 orang ahli berjawatan,
Pesuruh Jaya Tinggi, dan
7 orang ahli tidak rasmi,

Perubahan sementara itu disebabkan oleh Pemangku2 Raja yang telah di-lantek itu ada-lah

Kemalangan helicopter: Penyata

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menerima penyata penyiasatan atas kemalangan kapada sa-buah helicopter jenis Westland Sikorsky yang telah jatuh terhempas ka-dalam laut Seria pada 21 June tahun lepas.

Dalam kemalangan itu 7 orang telah terbunuh ia-itu pemandu helicopter tersebut dan enam orang pekerja sharikat minyak Brunei Shell.

Helicopter itu di-sewa oleh Brunei Shell daripada World Wide Helicopters Limited untuk menerbangkan pekerja2 Shell dari kawasan padang minyak Seria ka-pentas2 telaga minyak di-laut Seria.

Penyiasatan atas kemalangan itu telah di-jalankan oleh sa-orang pegawai dari Lembaga Pendaftar Pesawat Udara Singapura dan Pengarah Perkhidmatan Penerbangan Awam dari Labuan.

Dalam penyata yang telah di-sampaikan kapada kerajaan itu mereka berkata:

"Malapetaka itu di-sebabkan oleh kerosakan pada pesawat pemandu sa-belah kanan."

semua-nya menjadi ahli2 berjawatan dalam Majlis Meshuarat Kerajaan.

Empat orang dari Pemangku2 Raja itu sudah memang menjadi

ahli2 yang berjawatan, ia-itu.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Penasihat Ugama Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Ahli2 berjawatan yang baharu itu ia-lah:—

Yang di-hormati lagi di-mulakan Orang Kaya Digadong Haji Mohamed Yusof, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud.



Inche Hashim (kiri) dan Inche Manan.

MATI LEMAS: PEMANDU SALAH DARI SEGI UNDANG2

BANDAR BRUNEI. — Dalam satu penyiasatan pada 3 May atas kematian sa-orang perempuan Melayu, Timah binti Taha, Coroner Tuan R.G.P.N. Combe berpendapat bahawa Timah telah mati lemas di-Sungai Tutong.

Timah di-katakan telah menumpang sa-buah motokar yang di-pandu oleh suami-nya, Tuah bin Mahmud pada 3 March. Motokar itu telah berhumban ka-dalam Sungai Tutong dalam perjalanan-nya dari Seria ka-Brunei.

Tuan Combe berpendapat bahawa kematian Timah itu telah juga di-sebabkan oleh satu perbuatan Tuah yang salah dari segi undang2 kerana ada bukti yang menunjukkan bahawa Tuah telah memandu kereta itu sa-chara kasar dan tidak chermat.

Dalam keterangan-nya Sundi binti Bahari, anak tiri Tuah, berkata bahawa ibu dan ayah tiri-nya itu telah bertengkar di-Seria sa-belum berlepas ka-Brunei pada hari itu.

Sa-jurus sa-belum kereta itu

terhumban masuk ka-dalam sungai Tuah, kata-nya telah berkata bahawa elok ketiga-nya itu mati bersama di-situ.

Ketika memutuskan bahawa Timah telah mati lemas, Tuan Combe berkata bahawa ia tidak puas hati dengan keterangan Sundi.

Ada kemungkinan kata Tuan Combe bahawa Sundi telah memberi keterangan kerana satu2 muslihat bagi kepentingan dirinya sendiri.

Tuah, kata Tuan Combe lagi, telah di-dapati oleh Sundi di-tebing sungai bersama ibu-nya.

Dalam keterangan-nya Tuah berkata ia telah terjerumus ka-dalam sungai itu oleh sebab tidak nampak jalan kerana silau lempu dari sa-buah kereta yang datang dari hadapan.

PEGUAM NEGARA BERUNDING DI-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Peguam Negara, Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam minggu lepas kerana berunding berkenaan dengan satengah2 perkara dalam perlembagaan.

Inche Ali akan mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Kuala Lumpur. Baginda telah berangkat ka-Persekutuan dalam bulan lepas kerana berchuti sa-lama dua bulan.

Inche Ali di-jangka akan mengemukakan rang undang2 pilehan raya bagi Negeri Brunei.

Dalam perlembagaan, pilehan raya telah di-sharatkan bagi di-adakan tidak lewat dari dua tahun sa-telah perlembagaan itu di-ishtiharkan pada 29 September tahun lepas.

Inche Ali di-jadualkan berada di-Kuala sa-lama dua minggu.

Sa-telah kereta itu masuk ka-dalam sungai ia telah dapat membuka pintu dan membawa isteri dan anak tiri-nya itu ka-tebing sungai.

Kata Tuan Combe:

"Keterangan Sundi dan Tuah ada-lah bertentangan tetapi tidak shak lagi bahawa Tuah telah menolong isteri-nya mendapati tebing sungai itu."

Tuan Linton berlepas ka-Jepun

SERIA. — Yang Berhormat Tuan P.M. Linton Managing Director Brunei Shell Company Limited telah berlepas ka-Jepun kerana menghadhiri persidangan Managing Director2 sharikat2 Shell di-kawasan timur dan Australia.


Sa-lama Tuan Linton berada di-Jepun jawatan-nya di-pangku oleh Tuan J.L. Winter.

LEBEH 200 MURID DAPAT HADIAH SHELL

BANDAR BRUNEI — Lebih 200 orang murid Melayu, laki2 dan perempuan telah di-pilih untuk menerima hadiah chenderamata daripada sharikat minyak Brunei Shell kerana kemajuan yang terbaik dalam pelajaran dalam sa-tahun.

Hadiah itu sedang di-sampaikan oleh dua orang pegawai sharikat tersebut, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar dan Tuan Cheah Tat Kheam dari Pejabat Perbuhungan Awam Brunei Shell.

Mereka itu di-jadualkan melawat 56 buah sekolah di-seluruh negeri untuk menyampaikan hadiah2 yang berupa pen dan pensil kepada murid2.



Yang Berhormat Pengiran Bahar menyampaikan hadiah kepada murid2 di-sekolah Melayu, Muara.

diad2 yang berupa pen dan pensil kepada murid2.

Pengiran Bahar dan Tuan Cheah telah pun melawat ka-sekolah2 di-daerah Bandar Brunei dan Muara untuk menyampaikan hadiah2 tersebut.

HARI IBU BAPA KATIMAHAR

SENGKURONG — Sekolah Melayu Katimahar, batu 13 Jalan Tutong, telah menyambut hari ibu bapa sekolah itu baharu2 ini.

Berbagai acara yang meriah telah di-adakan pada masa sambutan tersebut.

Pada siang-nya sekolah itu telah mengadakan pertunjukan barang2 perbuatan tangan murid2 dan orang2 kampung.

Temasha aneka warna yang telah di-langsungkan pada sabalah malam pula telah mendapat sambutan yang baik.

Ramai penduduk2 Kampung Katimahar dan juga dari lain tempat telah mengunjongi ka-temasha tersebut.

Ketua baharu Polis Diraja

SERIA—Inche Mohamed Noh bin Ahmad, penolong superintendent Polis Persekutuan Tanah Melayu telah sampai di-Brunei menggantikan Inche Ia'afar bin Abdul sa-bagai pegawai pemerintah pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu di-Brunei.

Inche Ja'afar telah balek ka-Persekutuan menyandang pangkat O.C.P.D. Kuala Trengganu.

Pengiran Bahar berkata bahawa hadiah2 itu di-sampaikan kepada murid2 yang terbaik kemajuan pelajaran-nya bagi tahun lepas dan tahun 1958.

Lebih 200 batang pen dan pensil yang berharga akan di-hadiahkan kelak kepada murid2 laki2 dan perempuan.

Dalam ucapan-nya menyampaikan hadiah2 itu kepada murid2 di-sekolah Melayu Muara, Pengiran Bahar telah mengingatkan murid2 supaya belajar bersungguh2 untuk mendapat kemajuan.

"Pihak sharikat minyak Brunei Shell sedia memberi bantuan kerana perkembangan pelajaran di-negeri ini," kata beliau.

Sharikat itu sudah pun memberi dermasiswa kepada beberapa orang penuntut Brunei supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran di-sekolah2 negeri ini dan juga di-kolej dan universiti2 di-seberang laut.

Aneka warna di-Berakas

BERAKAS — Sekolah Melayu Berakas akan menyambut hari ibu bapa-nya sa-chara besar2an sa-lama tiga hari mulai 9 June akan datang.

Berbagai2 acara sambutan akan di-adakan di-temasha tersebut antara-nya ia-lah malam aneka warna dan sukan.

RANCHANGAN SAMBUTAN HARI IBU BAPA

BANDAR BRUNEI — Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Lela Menchanai dan Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei akan bergabung menyambut hari ibu bapa sekolah2 itu sa-lama tiga hari berturut2 mulai 4 June akan datang.

Temasha tersebut akan di-mulai pada petang 4 June dengan mengadakan perlumbaan perahu di-Sungei Brunei berhampiran dengan tambatan custom.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara akan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha perlumbaan perahu itu.

Pada malam 4 June akan di-langsungkan temasha aneka warna di-kawasan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

JANJI MENGADAKAN KEMUDAHAN2 DI-RUMAH2 SAKIT KERAJAAN

BANDAR BRUNEI — Segala kemudahan sedang di-ranchangkan untuk rumah2 sakit Brunei supaya penduduk2 negeri ini mendapat layanan yang sa-penoh-nya dari segi rawatan dan perubatan kelak.

Ranchangan kemudahan itu telah di-janjikan oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff dalam majlis jamuan yang di-adakan di-dewan Civic Centre baharu2 ini kerana mengucapkan selamat datang kepada beliau.

Dr. Abdul Wahab berkata bahawa ia akan berkhidmat bersungguh2 untuk mengadakan segala kemudahan di-rumah sakit bagi ra'ayat negeri ini.

Sa-lanjut beliau telah mengingatkan penduduk2 negeri ini betapa penting-nya anak2 Brunei menuntut ilmu kedokteran supaya Brunei mempunyai doktor2-nya sendiri.

Dr. Abdul Wahab yang dahulu-nya berkhidmat di-rumah sakit kerajaan di-Kuala Trengganu berkata ia telah di-olok2an

oleh rakan2-nya sa-belum datang ka-Brunei berkenaan dengan kemundooan negeri ini.

"Rupa-nya cerita2 itu semuanya tidak benar belaka. Apabila saya sampai ka-Brunei saya dapati bahawa Brunei ada-lah negeri yang sudah terbuka dan orang-nya baik belaka," kata beliau.

Hampir 200 orang telah hadir dalam majlis yang di-adakan oleh pegawai2 rumah sakit Bandar Brunei. Di-antara-nya ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Awangku Mohiddin bin Pengiran Tajuddin, sa-laku setiausaha Persekutuan Pekerja2 Melayu di-rumah sakit Bandar Brunei.

MAJLIS PERADUAN MEMBACHA KORAN

BANDAR BRUNEI — Satu majlis peraduan bacahan koran al-karim akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammed Jamalul Alam pada pagi 4 June hadapan.

Majlis itu akan di-adakan sa-bagai menyambut Hari Raya Haji.

Penuntut2 dari Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Lela Menchanai dan Sultan Omar Ali Saifuddin College akan masok bertanding dalam peraduan tersebut.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Kadhi Besar, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohammed Salleh.

Ketua pengakap

BANDAR BRUNEI — Tuan Geoff Stevens, Pesuruh Jaya Pengurus Pengakap bagi kawasan2 British di-Borneo telah tiba di-Brunei

Pada 5 June mulai pukul 9 pagi akan di-adakan pertunjukan barang2 perbuatan tangan murid2 dan orang2 dewasa di-Sekolah Melayu S.M.J.A.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit.

Menteri Besar, Yang Amat Borhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar akan menyampaikan perisai kedatangan antara darjah2 di-Sekolah Melayu S.M.J.A. di-majlis tersebut juga.

Pada sa-belah malam pula akan di-adakan sambutan malam aneka warna. Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohamed.

Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei ini akan mengadakan temasha sukan di-Padang Bandar Brunei pada petang 6 June.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Temasha sambutan hari ibu bapa sekolah2 tersebut akan di-akhiri pada malam 6 June dengan mengadakan sandiwara rampaian di-Sekolah Melayu Lela Menchanai, di-Kampung Ayer.

Pada malam itu juga Menteri Besar Brunei akan menyampaikan perisai kedatangan antara Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei yang telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Lela Menchanai.

KANAK2 YANG DI-SERANG OLEH PENYAKIT LUMPOH MENDAPAT RAWATAN ISTIMEWA

PEGAWAI2 perubatan sering tidak senang hati melihat kesihatan anak negeri terganggu. Mereka itu sentiasa menjalankan ikhtiar dan memikirkan chara2 yang baik untuk mengawal penyakit dari menyering kesihatan ra'ayat.

Baharu2 ini telah di-umumkan bahawa penyakit lumpoh atau polio telah menyerang sa-ramai 34 orang kanak2 yang berumur kurang dari 10 tahun.

Kejadian itu di-ketahui dari bilangan kanak2 yang telah di-bawa oleh ibu2 ka-rumah sakit dalam beberapa minggu ini selepas di-umumkan bahawa 11 orang kanak2 di-daerah Belait/Seria telah di-serang oleh penyakit tersebut dalam bulan March.

Mungkin ada lagi kanak2 yang telah di-serang oleh penyakit lumpoh itu tetapi tidak di-sedari oleh ibu mereka.

JANGAN GEMPAR

Ibu2 Melayu biasa-nya mendukung bayi. Ini ada-lah menyusahkan mereka itu hendak mengetahui sama ada kaki atau tangan anak2 itu telah menjadi lemah oleh serangan polio.

Pegawai Perubatan Negara Dr. Abdul Wahab bin Ariff berkata bahawa serangan ka-atas 34 orang kanak2 itu ada-lah dianggap sa-bagai wabak apabila di-bandingkan dengan jumlah penduduk negeri ini.

Tetapi ibu dan bapa tidak harus gempar dengan pendapat ini kerana langkah2 telah di-ambil untuk mencegah wabak itu dari bertambah buruk.

Pejabat perubatan telah mengadakan segala persediaan yang boleh di-dapati untuk merawat dan mengubati kanak2 yang di-serang oleh penyakit lumpoh.

Kanak2 yang telah di-serang oleh penyakit lumpoh dan terpaksa di-masukkan ka-rumah sakit untuk di-rawat ada-lah mendapat keistimewaan dari segi rawatan.

Sa-buah kolam bernang kecil telah di-bena di-kawasan rumah sakit untuk kanak2 itu bermain.

AYER DI-PANASKAN

Ayer kolam itu di-panaskan sa-hingga satu darjah panas yang di-perlukan dalam rancangan rawatan penyakit tersebut. Kanak2 di-biarkan bernang sambil di-awasi oleh sa-orang "sister" yang berkelayakan.

Sa-lepas itu mereka itu di-galakkan pula menunggang basikal kanak2.

Semua ikhtiar ini ia-lah hendak memberi lathakan kepada anggota kaki dan tangan yang telah kaku atau lemah supaya bergerak sa-mula.

Ibu2 ada-lah juga di-benarkan

mengawasi anak2 mereka pada malam hari di-rumah sakit. Kemudahan ini telah di-tambah baharu2 ini dengan mengadakan tempat2 tidor khas bagi ibu2 itu dekat tempat2 tidor anak masing2.

Kanak2 yang di-ketahui menghidap penyakit lumpoh itu semua-nya telah bertambah baik



Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

kesihatan-nya. Kebanyakan-nya telah di-benarkan di-bawa balek ka-rumah untuk di-rawat dan diubati sa-chara outpatient.

Dalam minggu sudah hanya enam orang sahaja lagi kanak2 yang menghidap penyakit itu di-tahan di-rumah sakit.

Sa-panjang yang di-ketahui penyakit lumpoh itu kadang2 wabak di-negeri ini dengan tidak di-sedari oleh ibu2.

Dari 34 orang kanak2 yang di-ketahui di-serang oleh penyakit itu 60 peratus ada-lah kanak2 yang berumur kurang dari 2 tahun.

SUSAH MEMASTIKAN

Oleh sebab kanak2 dalam garisan umur ini biasa-nya di-dukung oleh ibu ada-lah susah bagi ibu2 itu hendak memastikan bahawa anak2 mereka telah di-serang oleh penyakit lumpoh.

Dalam pada itu pejabat perubatan ada-lah berjaga2 dan telah mengadakan perkakas2 untuk memberi rawatan yang di-kehendaki jika ada ra'ayat negeri ini di-serang oleh penyakit lumpoh yang lebeh merbahaya jenis-nya.

Kerajaan telah meminjam dua "iron lung", sa-buah besar dan sa-buah kecil, daripada Kera-

jaan Persekutuan Tanah Melayu dan sa-buah lagi telah di-terbangkan dari United Kingdom untuk menambah bekalan iron lung di-negeri ini.

Sa-hingga ini iron lung itu belum lagi perlu di-gunakan dan di-harapkan tidak ada mangsa penyakit lumpoh di-negeri ini yang memerlukan iron lung itu.

Iron lung yang besar itu berharga \$5,000 dan yang kecil \$3,000. Perhubungan sedang di-buat dengan Kerajaan Persekutuan supaya menjual iron lung itu kepada Kerajaan Brunei.

Iron lung yang lagi satu itu ia-lah yang paling moden sa-kali dan berharga \$7,000. Pembuat2nya telah menerbangkan iron lung itu ka-Brunei bersama sa-orang pakar yang di-tugaskan untuk memberi kenyataan yang lebeh lanjut tentang chara2 menggunakan iron lung tersebut.

Iron lung2 itu boleh juga di-gunakan kerana lain2 penyakit yang melemahkan tenaga bernafas.

KEDUDOKAN AKHIR

Dalam satu siaran kerana mengulangkaji kedudukan yang akhir mengenai penyakit polio itu Dr. Abdul Wahab berkata antara lain:

"Ada-lah jelas bahawa wabak itu mengenai kanak2 kerana 60 peratus dari kanak2 yang di-serang oleh penyakit lumpoh itu berumur kurang dari 2 tahun.


"Ibu2 mustahak menguji kaki dan tangan anak2 kecil mereka dengan tujuan hendak mengetahui sa-barang kelemahan atau kekakuan anggota.

"Sa-kira-nya ada shak wasangka minta-lah pertolongan daripada sa-orang doktor atau sa-orang pegawai di-pusat perubatan.

"Dalam wabak sekarang ini bayi yang berumur kurang dari (Lihat muka 6)



Rupa "iron lung" untuk membantu orang sakit yang telah lemah tenaga-nya hendak bernafas.



Kanak2 itu di-biarkan bernang dalam kolam khas dan sa-lepas itu di-galakkan menunggang basikal.

PERKEMBANGAN PELAJARAN MELAYU DI-NEGERI BRUNEI

Perkembangan pelajaran di-Negeri Brunei dari segi kesihatan murid2, pembangunan dan susunan pelajaran telah di-huraikan serba sedikit oleh wakil2 Brunei ka-persidangan guru2 antara bangsa yang diadakan di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Persidangan itu di-hadiri oleh 70 orang guru dari 17 buah negara2 Asia. Mereka itu mewakili lebih 2,000,000 orang guru di-negeri2 Asia.

TIGA AKUAN

Perjalanan persidangan itu telah di-ulangkaji oleh wakil2 Brunei, ia-itu Yang Berhormat Inche Jamil bin Umar, Inche Nordin bin Latif dan Inche Umar bin Mohammed dalam cheramah yang di-adakan di-wan Civic Centre di-Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Dalam cheramah-nya Inche Jamil telah menegaskan bahawa persidangan itu telah memberi akuan hendak:

- ◆ Berusaha dalam perkembangan pelajaran bagi negeri2 yang maseh ketinggalan dalam lapangan pelajaran,
- ◆ Bertugas benar2 untuk perkembangan pelajaran, dan
- ◆ Mendesak kerajaan supaya mengadakan wang untuk mendapatkan pakar2 pelajaran yang mahir untuk mengembangkan pelajaran.

Cheramah yang telah di-hadiri oleh lebih 100 orang guru, laki2 dan perempuan, itu telah berkisar di-sekeliling persidangan tersebut dan telah membentangkan hal2 yang telah di-bincangkan dalam persidangan.

PERKARA UTAMA

Antara lain2 persidangan itu telah mengkaji —

- (a) kesihatan kanak2 di-sekolah,
- (b) mata pelajaran dalam sekolah yang berkait dengan pergerakan badan.
- (c) Bagaimana mengator hal ahwal pelajaran dan kesihatan kanak2.
- (d) Hal ahwal berhubung dengan sekolah dan guru.

Akan tetapi perkembangan sekolah ia-lah perkara yang utama di-laporkan oleh wakil2 dalam persidangan. Perkara ini mengenai chara2 sekolah di-buka, jadual waktu, peratoran2 sekolah dan lain2 hal tentang kesulitan persekolahan.

Laporan wakil2 Brunei dalam hal ini telah menegaskan kemundoran dalam perkembangan pelajaran di-negeri ini.

"Kenyataan itu telah di-terima dengan perasaan insaf oleh kebanyakan wakil2 dan mereka menyatakan akan kesediaan hendak membantu dengan meminjamkan pegawai2

pelajaran masing2," kata Inche Jamil.

Walau pun perkembangan pelajaran di-negeri ini maseh mundur jika di-bandingkan dengan negeri2 yang telah maju tetapi tidak-lah dapat di-nafikan bahawa keinginan ra'ayat hendak menambah ilmu pengetahuan telah bernyala2 semenjak tamat perang dunia kedua.

Kerana hendak mendapat perbandingan ada-lah perlu menoleh ka-belakang ka-40 tahun dahulu pada masa Brunei mempunyai hanya sa-buah sekolah sahaja. Sekolah itu di-kenal dengan nama Sekolah Melayu Jalan Pemancha.

Murid2 sekolah itu berjumlah 50 orang lebih kurang.

Sekolah yang kedua telah di-bena hampir 10 tahun kemudian dalam tahun 1930 dan dinamakan sekolah Melayu Jalan Sultan. Sekolah ini dan sekolah Jalan Pemancha itu telah mengeluarkan kebanyakan anak2 Brunei yang menjadi pembesar2 negeri pada masa ini.

KEADAAN SEKOLAH

Keadaan persekolahan pada masa itu tidak terator. Mata pelajaran-nya hanya merupakan pelajaran membaca dan menulis sahaja. Chara2 mengajar terpulung-lah kepada kebijaksanaan guru2 sahaja.

Murid2 sekolah2 itu di-dapati dengan memaksa ibu bapa menghantar anak2 mereka ka-sekolah. Ibu bapa dan penjaga anak2 di-ugut akan di-saman jika engkar menghantar anak2 mereka ka-sekolah.

Keengganan menghantar anak2 ka-sekolah ada-lah timbul dari fikiran bahawa pelajaran yang di-dapati dari sekolah2 itu akan mendorong anak2 terutama-nya anak2 perempuan ka-jalan kelakuan yang sumbang dan tidak senonoh.

Telahan ibu bapa pada zaman itu ada-lah bertentangan dengan kejayaan persekolahan yang di-buktikan oleh murid2 yang telah keluar dari sekolah2 tersebut.

Ibu bapa sa-lepas itu makin sa-hari makin mengetahui akan kepentingan menghantar anak2 mereka ka-sekolah.

SEKOLAH2 LAIN

Mereka telah mendesak supaya sekolah2 lain di-dirikan dan sa-bagai menyambut permintaan itu kerajaan telah mendirikan beberapa buah sekolah Melayu di-daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Desakan supaya sekolah2 baharu di-buka ia-lah hasil dari kejayaan dasar kerajaan menghantar murid2 yang maju dalam pelajaran melanjutkan pelajaran mereka ka-luar negeri tiap2 tahun.

Dalam hal ini Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Tuan Haji Basir bin Taha telah menjadi pelopor dengan bersetuju menuntut di-maktab latehan guru2 di-Tanjong Malim, Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1930.

Mereka telah tamat latehan tiga tahun kemudian dan telah balek ka-Brunei memegang jawatan2 yang penting dalam perjabat pelajaran.

Sungguh pun demikian jumlah sekolah2 yang telah di-dirikan di-negeri ini sa-belum pechah perang dunia kedua tidak sa-imbang dengan bilangan kanak2 yang patut mendapat pelajaran.

DUA SEKOLAH LAGI

Hanya 2,232 orang kanak2, laki2 dan perempuan sahaja datang ka-berbagai2 sekolah dalam tahun 1946.

Tetapi penyata tahunan bagi tahun 1947 menyatakan:

"Dalam tahun ini dua buah sekolah baharu telah di-buka, sa-buah di-Labi dan sa-buah di-Labu (Temburong). Seko-

lah yang telah di-buka di-Bukit Sawat itu telah terpaksa di-tutup oleh sebab keluar-ga2 Dusun yang menghantar anak2 mereka ka-sekolah itu telah berpindah dan bilangan murid2 yang tinggal tidak mengizinkan sekolah itu diteruskan."

Pada hujung tahun itu Brunei mempunyai 24 buah sekolah Melayu dengan murid2-nya berjumlah 1,558 orang laki2 dan 334 orang perempuan.

Bilangan itu menunjukkan tambahan 275 orang murid laki2 dan 85 orang murid perempuan dari jumlah murid2 bagi tahun 1946.

Penyata itu menambah: "bilangan anak2 yang datang ka-sekolah maseh sedikit. Antara sebab2 yang banyak itu ia-lah dalam beberapa kawasan negeri penduduk2-nya tinggal terpenchil dan tiada sekolah yang menasabah jarak-nya telah di-dirikan dari rumah2 mereka."

MAKIN BERTAMBAH

Sungguh pun bilangan murid2 makin sa-tahun makin bertambah tetapi bilangan murid2 perempuan tidak sa-imbang dengan murid laki2. Peraturan murid2 perempuan hanya 11.1% dari murid laki2 dalam tahun 1946 dan 36.9 peratus dalam tahun 1958 dari jumlah 12,929 orang murid2 dari sekolah2 Melayu, China dan Inggeris.

Penduduk2 negeri ini maseh ramai yang tinggal terpenchil di-kawasan2 pedalaman negeri, tetapi keadaan persekolahan ada-lah lebih maju dari 13 tahun dahulu.

Sekolah2 Melayu telah berkembang dan sekarang berjumlah 53 buah ia-itu 29 buah lebih dari tahun 1947.

Kebanyakan sekolah2 itu telah di-bena di-bawah ranchangan lima tahun yang di-lancarkan dalam tahun 1953.

Dengan bilangan sekolah makin lama makin banyak bilangan murid2 pula ikut ber-

(Lihat muka 6)



Ini-lah sekolah perempuan yang terbesar di-Brunei. Bangunan sekolah Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Empat istiadat menggelar dalam bulan ini

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang menteri dagang, dua menteri darat dan sa-orang mudim telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia mengikut satu perishtiwaran daripada Pengetua Adat Istiadat, Brunei.

Istiadat pelantikan mereka akan di-jalankan pada tempat dan tarikh yang berasingan dalam bulan ini.

Tuan Hong Kok Tin di-kurniakan gelaran Yang di-muliakan Pehin Bendahara Kurnia Diraja, Menteri Dagang (China) bagi daerah Belait.

Istiadat menggelar Tuan Hong akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-Surau Diraja, Bandar Brunei pada pukul 3.30 petang, 24 May.

Haji Abdul Rahim bin Akim di-kurniakan gelaran Yang Mu-

lia Orang Kaya Setia, Menteri Darat, Bangar (Temburong).

Istiadat menggelar Tuan Haji Abdul Rahim akan di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar di-Bangar, Temburong pada pukul 12 tengah hari, 26 May.

Tuan Awang Haji Yusof bin Pehin Seri Wangsa di-kurniakan

gelaran Yang Mulia Mudim bagi Bandar Brunei.

Istiadat menggelar akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-ru-mah besar Duli Pengiran Bendahara, Jalan Carey pada pukul 3.20 petang 27 May.

Haji Yusof bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mokti di-kurniakan gelaran Yang Mulia Maharaja Lela, Menteri Darat, Batu Apoi, Bangar.

Istiadat menggelar Tuan Haji Yusof akan di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis di-Batu Apoi, Bangar pada pukul 12 tengah hari 31 May.

PERCHUBAAN MENYELUDUP CHANDU

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang perempuan Melayu, Fatimah binti Salleh telah di-tudoh dalam mahkamah pada 9 May kerana menyimpan dan menchuba membawa masuk chandu ka-dalam negeri.

Chandu itu, sa-banyak satu sa-tengah paun telah di-jumpai tersorok dalam baju-nya apabila di-geledah oleh pegawai2 kastam.

Fatimah pada masa itu hendak keluar dari pintu kastam di-tambatan kapal sa-jurus sa-telah turun dari kapal "Bruas" yang telah sampai di-pelabuhan pada petang 8 May.

Sa-orang pekerja dalam kapal tersebut, Hussin bin Haji Babu telah juga di-tudoh menyertai kesalahan itu.

Magistrate Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad telah menetapkan 16 May sa-bagai hari perbicharaan.

Fatimah telah di-benarkan jamin \$1,000 dan Hussin \$500.



Tuan Krishnaswamy bersama Yang Berhormat Pengiran Yusof di-interview oleh pemberita Radio Brunei.

LAWATAN KETUA PEMUDA PEMUDI SELUROH DUNIA BAHAGIAN ASIA

BANDAR BRUNEI. — Tuan N. Krishnaswamy, Setiausaha Perkumpulan Pemuda-Pemudi Sadunia, Bahagian Asia telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dari Brussels, Negeri Belgium.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Ketua Majlis Pemuda-Pemudi Brunei, Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf.

Tujuan lawatan-nya ka-negeri ini ia-lah untuk memberi penerangan mengenai pekerjaan2 yang di-lakukan oleh Perkumpulan

BUDAK CHUBA NA' TERJUN DARI ATAP BANGUNAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang budak Melayu, Mohamed Gouse bin Mohamed Shariff telah menggem-parkan orang ramai di-jal-lankan di-hadapan Brunei Hotel di-sini dalam minggu lepas apabila ia mengugut hendak terjun dari kemun-chak bangunan hotel itu.

Peristiwa yang mengerikan itu berlaku pada sa-belah pagi. Budak itu telah naik ka-kemunchak bangunan yang tiga tingkat itu lalu meniti di-tembok sa-olah2 hendak terjun ka-ta-nah.

Orang ramai yang melihat kejadian itu dengan segera telah memberi tahu polis.

Polis telah datang dengan serta merta membawa jaring untok menyambut budak itu kalau2 ia terjun.

Beberapa orang telah naik ka-kemunchak bangunan tersebut. Dengan tidak sa-tahu budak itu mereka telah mengendap dari belakang dan mengheret budak itu ka-tempat yang selamat.

kenali sa-bagai "World Assembly of Youth".

Tujuan2 itu telah di-terangkan-nya dalam satu interview dengan Radio Brunei.

Dalam masa berada di-Brunei, Tuan Krishnaswamy telah mengadakan pertemuan dengan pemuda-pemudi di-Daerah2 Brunei dan Kuala Belait.

Ini-lah kali yang kedua lawatan beliau ka-Brunei. Kali yang Pemuda-Pemudi tersebut yang di-pertama ia-lah pada awal tahun 1958.

Beliau berasa sukachita menyaksikan bahawa pergerakan2 pemuda-pemudi di-Brunei telah meningkat maju semanjak lawatan-nya kali yang pertama ka-Brunei dua tahun dahulu.

Tuan Krishnaswamy berharap sa-moga ramai lagi pemuda pemudi tempatan masuk berkhidmat dengan pergerakan2 pemuda-pemudi seperti pasukan2 pengakap, pandu puteri dan palang merah.

Tuan Krishnaswamy telah berlepas ka-Sibu, Sarawak pada hari Rabu yang lalu. Dari sana beliau telah melawat ka-Kuching dan lain2 tempat sa-belum balek ka-Brussels.



Wakil2 dari 17 buah negara Asia telah hadir dalam persidangan guru2 internasional di-Kuala Lumpur. Wakil2 Brunei kelihatan di-barisan kedua dan belakang.

GURU BESAR YANG CHENDERONG DALAM KEBAJIKAN

SA-ORANG ibu yang sentiasa mengambil berat dalam hal ahwal kemajuan kaum ibu ia-lah juga "ibu" kepada kira 900 orang murid2 perempuan di-sabua sekolah di-Bandar Brunei.

Ibu itu ia-lah Puan Zaitonah binte Abdul Khan, guru besar, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Perempuan Melayu yang besar sa-kali di-negeri ini.

Puan Zaitonah ia-lah guru lepasan Maktab Perguruan Perempuan2 Melayu, Melaka.

Beliau mulai mendapat pendidekan di-Sekolah Melayu Labuan di-mana ia lulus peperiksaan darjah lima.

Kemudian ia bekerja sa-bagai sa-orang guru pelateh di-Sekolah Melayu Bandar Brunei sabelum berangkat ka-Malaya untuk menuntut ilmu perguruan di-sana.

Puan Zaitonah telah belajar di-Maktab Perguruan Perempuan2 Melayu di-Malaka selama tiga tahun.

Sa-telah balek ka-Brunei beliau telah mengajar di-beberapa buah sekolah Melayu di-Daerah2 Brunei, Belait dan Temburong.

Puan Zaitonah telah di-lantek menjadi Guru Besar, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah mulai dari bulan February 1958.

Pada masa itu sa-ramai 500 orang murid2 perempuan belajar di-sekolah tersebut dan pada pertengahan bulan May ini sa-jumlah 868 orang kanak2 sedang belajar di-sekolah itu.

Puan Zaitonah ia-lah di-antara ibu2 tempatan yang chenderong dalam pekerjaan2 yang memberi kebajikan kepada kaum ibu di-Brunei.

Meskipun beliau mempunyai tanggung jawab yang berat di-sekolah untuk mendidik kanak2 yang begitu ramai, tetapi beliau sempat juga menumpukan tenaga-nya untuk memberi pertolongan kepada guru2 dan kaum ibu yang berkehendakkan pertolongan-nya.

Sa-bagai satu bukti, Puan Zaitonah telah berusaha untuk mengadakan darjah2 pelajaran dewasa kaum ibu.

Darjah2 itu yang akan di-tempatkan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, akan di-buka ti-

Sekarang ini Puan Zaitonah ia-lah sa-orang ahli jawatan kuasa Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Beliau tidak ketinggalan menumpukan perkhidmatan-nya pada masa di-langsungkan sambutan hari2 kebesaran di-Negeri Brunei.



Puan Zaitonah

dak berapa lama sa-lepas Hari Raya Haji yang akan datang.

Sa-lain dari itu, Puan Zaitonah biasa memberi cheramah melalui Radio Brunei terhadap berbagai2 perkara mengenai kaum ibu.

Ia telah mengambil bahagian dalam hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia dan lawatan Almerhum Tuanku Abdul Rahman, bekas Yang di-Pertuan Agong Malaya ka-Brunei pada bulan July tahun lepas. (MZA)

HARAPAN TERHADAP PENERBITAN "SUARA PELAJAR" MURID2 SOAS

BANDAR BRUNEI — "Suara Pelajar", sa-buah majallah bulanan tulisan Rumi yang di-terbitkan oleh Persekutuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei keluaran bulan April telah kita terima.

Memandang isi majallah tersebut di-karang oleh anak2 yang maseh menduduki bangku sekolah tidak dapat di-sangkal bahawa majallah itu belum lengkap dan sempuran dalam erti kata yang sa-benar2-nya.

Tetapi penerbitan majallah itu memberi harapan bahawa tunas2 muda yang baharu menchiung angin itu akan tumbuh subur dan rindang—bakat2 sasterawan di-persada tanah ayer kita tahun demi tahun.

Semoga pada masa hadapan

kita akan mempunyai pengarang2 dan sesterawan2 untuk zaman gemilang Negeri Brunei.

Dengan ada-nya "daya chip-ta" oleh pelajar2 yang mempunyai minat penoh pada bahasa ibunda-nya, akan lahir-lah nanti barisan2 sasterawan untuk kelo-horan bangsa dan negara.

Sa-bagai penchinta bahasa ibunda yang di-tegaskan oleh badan pelajar2 itu, semoga harapan kita tidak akan di-abaikan begitu sahaja. (AT)

Ikhtiar menjauhi penyakit

(Dari muka 3)

7 bulan belum lagi di-serang oleh penyakit itu. Ini mungkin disebabkan oleh kawalan sa-mula jadi atau kuasa menentang penyakit yang di-dapati daripada ibu pada masa kanak2 itu dilahirkan."

Dr. Abdul Wahab menegaskan bahawa wabak sekarang mengganggu anak2 yang berumur kurang dari dua tahun.

Untuk mengawal anak2 kechil dari di-serang oleh penyakit lumpoh anak2 itu hendaklah di-jauhkan dari orang dewasa yang mungkin membawa hama2 penyakit lumpoh.

Kanak2 hendaklah juga jangan di-bawa ka-tempat2 orang berkumpul seperti panggong wayang.

Jika mereka itu di-beri minum susu tin dan barang2 makanan dalam tin, kebersihan makanan hendaklah di-jaga dan pinggan dan mangkok yang di-gunakan hendaklah di-kawal dari di-hinggapi latat.

Perbandingan jumlah murid2


(Dari muka 4)

tambah. Sekolah2 Melayu sekarang mempunyai 8,601 orang murid, di-antara-nya 3,297 orang murid perempuan.

Ada-lah jelas dari perbandingan angka anak2 ini bahawa persamaan bilangan murid2 laki2 dengan perempuan belum tercapai lagi.

Satu dari sebab2-nya mungkin kechenderongan ibu2 Melayu menarek anak2 gadis mereka dari sekolah sa-baik sahaja mereka itu di-fikirkan telah cukup umur untuk dilateh di-rumah dalam jurusan rumah tangga.

Sa-bahagian besar dari murid2 perempuan Melayu ditarek dari sekolah pada masa berumur 15 atau 16 tahun.



Ahli2 pasukan pancharagam Polis Brunei bergambar ramai.

12 PASOKAN HOCKEY DALAM LEAGUE 1 DAN 2

BANDAR BRUNEI — Pertandingan2 hokey tahun 1960 di kawasan bandar ini telah mulai di-jalankan di-padang2 bandar dan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada minggu lepas.

Pertandingan2 tersebut akan di-teruskan hingga ka-awal bulan August hadapan.

Dua belas pasokan, terdiri dari enam pasokan bahagian pertama dan enam pasokan bahagian kedua ada-lah mengambil bahagian dalam pertandingan2 tersebut.

Pasokan2 bahagian pertama ia-lah Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Jabatan Pelajaran, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Police, Pejabat Kerja Raya dan Brunei Sports Club.

Pasokan2 bahagian kedua ia-lah Jabatan Pelajaran, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Pejabat Sukat, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Police dan Civic Centre.

Hingga ka-hari Jumaat lepas tiga pasokan bahagian pertama dan satu pasokan bahagian kedua telah bertanding dan keputusan-nya ia-lah seperti berikut:

Bahagian pertama.

Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei mengalahkan Pejabat Kerja Raya dengan satu gol tidak berbalas.

Sekolah jaringkan 6 gol

SERIA—Sekolah Pertukangan telah mengalahkan Klab Melayu Shell dengan 6 gol berbalas 3 dalam satu perlawanan bola sepak Perisai McKerron di-Seria pada minggu lepas.

Justin Gabriel dan Radie telah menjaringkan 2 gol sa-saorang, manakala Joseph Jiew dan Kadir Yusuf menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pihak Sekolah Pertukangan.

Bolhassan telah menjaringkan semua tiga gol bagi pihak Klab Melayu Shell.

Brunei Sports Club mengalahkan Police dengan dua gol tidak berbalas.

Satu lagi pertandingan bahagian pertama telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada minggu lepas, manakala Sultan Omar Ali Saifuddin College telah seri dengan Jabatan Pelajaran, dua gol berbalas dua.

TARIKH DAN TEMPAT2 PERLAWANAN

Dalam pertandingan bahagian kedua yang pertama sa-kali, Jabatan Pelajaran telah mengalahkan Civic Centre dengan tiga gol tidak berbalas. Pertandingan itu di-langsungkan di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Tarikh, padang dan pasokan2 yang akan bertanding dalam pertandingan hokey Bandar Brunei tahun ini mulai dari 18 May hingga ka-akhir bulan ini adalah seperti berikut:

May 18 di-Padang Bandar Brunei, bahagian kedua, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei melawan Police.

May 19 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College melawan Jabatan Pelajaran.

May 20 di-Padang Bandar Brunei, bahagian kedua, Civic Centre melawan Pejabat Sukat. Satu lagi perlawanan akan di-langsungkan pada petang hari itu juga, ia-itu di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian pertama, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei melawan Police.

May 23 di-Padang Bandar Brunei, bahagian pertama, Jabatan Pelajaran melawan Brunei Sports Club.

May 24 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College,

bahagian pertama, Pejabat Kerja Raya melawan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

May 25 di-Padang Bandar Brunei, bahagian pertama, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei melawan Jabatan Pelajaran.

May 26 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian pertama, Police melawan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

May 27 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian kedua, Jabatan Pelajaran melawan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

May 30 di-Padang Bandar Brunei, bahagian kedua Pejabat Sukat melawan Police.

May 31 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian kedua, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei melawan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Dua chedera kena tembak

TUTONG—Sa-orang Melayu, Haji Ali Akhbar dan sa-orang China Teo Khek Sing telah chedera kena tembak di-Kampung Tanjong Maya pada pagi 6 May ini.

Kedua orang itu di-katakan sedang menyuloh pelandok tatkala kena tembak.

Mereka telah di-masokkan ke rumah sakit Bandar Brunei untuk di-rawat.

Penubohan persatuan jawatan kuasa kebajikan kampung

SENGKURONG—Penduduk2 Kampung Sengkurong, 10 batu dari Bandar Brunei telah menubuhkan Persatuan Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung Sengkurong untuk kebajikan penduduk2 kampung tersebut.

Pendaftaran persatuan itu telah di-sahkan baharu2 ini.

Keputusan2 hockey di-Belait

KUALA BELAIT — Keputusan pertandingan hokey di-Daerah Belait yang telah di-langsungkan pada minggu lepas di bawah anjoran Lembaga Sukan Daerah Belait ada-lah seperti di bawah ini.

Sekolah Pertukangan mengalahkan Shell Recreation Club dengan tiga gol berbalas satu.

Klab Melayu Shell mengalahkan Kuala Belait Recreation Club dengan tiga gol tidak berbalas.

Klab Melayu Shell dan Pana-gia Club telah beroleh seri. Kedua2 pasokan itu telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun.

KEMENANGAN AIRPORT DALAM MASA TAMBAHAN

BANDAR BRUNEI — Upper Airport telah mengalahkan P.W.D. Workshops Sports Club dengan 4 gol berbalas 3 dalam perlawanan sa-tengah akhir bola sepak Perisai McKerron di-Padang Bandar Brunei baharu2 ini.

Ini-lah kali yang kedua pasokan2 tersebut bertanding sa-mula. Pada kali pertama yang telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei juga tidak berapa lama dahulu pasokan2 itu telah beroleh seri, tiga gol berbalas tiga.

Pada masa tamat pertandingan Pasokan Upper Airport telah mendapat tiga gol. Begitu juga Pasokan P.W.D. Workshops Sports Club mendapat tiga gol.

Untuk menentukan kemenangan, kerana pertandingan tersebut di-jalankan sa-chara pukulan jatoh, pertandingan tersebut di-teruskan sa-lama dua puluh minit lagi.

Gol yang membawa kemenangan kepada Upper Airport di-jaringkan pada masa chuacha hampir2 gelap sa-belum tamat masa yang di-lanjutkan itu.

LAWATAN JURULATEH SUKAN DARI AMERIKA SHARIKAT

BANDAR BRUNEI — Sa-orang juru-lateh sukan yang terkenal dari Amerika Sharikat akan datang ka-Brunei untuk melateh peminat2 sukan di-negeri ini pada bulan June hadapan.

Beliau ia-lah Thomas Rosandich. Lawatan-nya ka-negeri ini ada-lah di-selenggarakan di bawah kelolaan Perkhidmatan Urusan Luar Amerika Sharikat.

Ini-lah kali yang ketiga beliau akan melawat ka-kawasan Borneo Utara. Beliau mulai tiba di-sini pada tahun 1958. Kemudian tiba sa-kali lagi pada tahun lepas.

Dalam masa tersebut Rosan-

dich telah memberi pertolongan2 yang berharga kepada peminat2 sukan di-Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Sementara itu ada-lah di-perchayai bahawa lawatan Thomas Rosandich ka-negeri ini ialah untuk memberi latehan kepada ahli2 sukan tempatan yang akan mengambil bahagian dalam temasha sukan Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

KUNJONGAN MAHAGURU TUMBOH2AN

BANDAR BRUNEI — Tuan Ernst Abbe, sa-orang mahaguru jurusan ilmu tumbuh2an dari University of Minnesota, Amerika Sharikat telah sampai di-Brunei baharu2 ini dari Singapura.

Beliau telah di-sambut oleh Pegawai Kehutanan Negara, Inche Yakin bin Long dan kemudian di-bawa melawat ka-kawasan2 hutan simpan negeri ini.

Malaya tetap dalam Commonwealth

LONDON. — Pemimpin2 Commonwealth British sa-chara tidak langsung telah menchuba mengendorkan ketegangan di-antara Malaya dengan Afrika Selatan atas masalaah perbezaan warna kulit di-dalam persidangan Perdana Menteri2 Commonwealth di-London.

Perselisihan mengenai dasar perbezaan warna kulit itu telah di-keuarkan dari agenda meshuarat dan di-binchangkan sa-chara tidak rasmi di-luar bilek persidangan di-antara Tuan Louw dan rakan2-nya dari negara2 Commonwealth.

• Semenjak Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman keluar dari persidangan yang tidak rasmi, nasib perhubungan Afrika Selatan dengan negara2 Commonwealth yang lain bagi masa hadapan ada-lah dalam keadaan yang genting.

Dalam pada itu Tengku telah di-beritakan di-London sa-bagai berkata bahawa beliau tidak berasa kesal atas tindakan2-nya pada minggu lepas kerana memutuskan persidangan yang tidak rasmi dengan Tuan Louw atas soal perbezaan warna kulit.

Dalam satu pertemuan television di-London Tengku berkata

bahawa beliau tidak berfikir yang Malaya akan keluar dari Commonwealth jika Afrika Selatan tidak menunjukkan perubahan2 atas soal warna kulit.

Beliau berkata bahawa sudah di-tetapkan sama ada sa-belum atau sudah merdeka, Malaya ada-lah tetap berhubung dengan Commonwealth."

Tengku menambah kata: "Kita di-masa ini menjadi penchari wang ringgit yang terbesar sekali bagi Commonwealth. Kita juga telah memberi satu kawasan dari negara kita untuk tentera pertahanan Commonwealth.

"Sa-lain dari itu kita ada-lah

satu negara yang kecil dan kita mesti-lah bersatu dengan satu2 kuasa. Kuasa yang kita telah memutuskan untuk bersatu ia-lah Commonwealth. Kerana itu kita telah memutuskan hendak tinggal tetap dalam lengkungan Commonwealth.

BANTUAN KAPADA PEKERJA2

SINGAPURA — Kerajaan Singapura akan mengadakan satu ranchangan bantuan kapada penganggor2 yang menghendaki pekerja2 membayar sa-jumlah peratus dari gaji mereka. Sa-jumlah yang sama banyak-nya akan di-bayar oleh majikan2 mereka.

Menteri Buroh dan Undang2, Tuan K.M. Byrne bertaka bahawa beliau telah meminta Menteri Kewangan member keutamaan yang istimewa dalam mengadakan ranchangan itu.

Tuan Byrne berkata bahawa ranchangan tersebut bukan sahaja akan menolong beribu2 orang penganggor tetapi juga akan menolong mengendorkan ketegangan perusahaan yang mungkin timbul apabila pekerja2 diberhentikan dengan sa-chara mengejut.

BUTIR2 KEMAJUAN LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan satu ranchangan kemajuan daerah2 luar bandar yang akan di-segerakan pelaksanaan-nya.

Ranchangan itu mengandungi kerja2 yang sangat luas yang akan di-buat oleh perpuluh2 ribu orang2 kampung yang mahukan taraf kehidupan yang lebeh baik untuk mereka sendiri.

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, penaja ranchangan itu berkata bahawa ranchangan tersebut mengandungi dua tujuan yang mudah.

Pertama: untuk membaiki kawasan2 baharu yang mengandungi kampung2.

Beliau berkata bahawa kerajaan ada-lah bersungguh2 hendak menjayakan ranchangan itu.

Tun Razak berkata bahawa pada masa membinchangkan ranchangan itu pehak2 yang bertanggung jawab telah di-beri tahu bahawa perkara yang mustahak ia-lah jangan khuatir tentang sama ada wang boleh di-dapati atau tidak.

"Dasar-nya ia-lah wang kerajaan pusat akan di-dapati dengan syarat kerajaan2 negeri menunjukkan yang mereka sudah mengadakan dasar2 ranchangan, wang fund dan langkah2 kemajuan untuk memberi kemajuan yang sa-habis tinggi terhadap daerah2 luar bandar, kata Tun Razak.

Pakistan mungkin bantah kapada Amerika Sharikat

KARACHI. — Pakistan mungkin membantah kapada Amerika Sharikat jika satu penyiasatan yang di-jalankan kelak menjelaskan bahawa kapal terbang pengintip Amerika telah singgah di-Pakistan dalam penerbangan ka-Russia.

Sa-buah kapal terbang pengintip Amerika Sharikat telah di-tembak oleh Russia baharu2 ini dalam kawasan Russia.

Peristiwa itu telah menimbulkan ketegangan antara Russia dengan Amerika Sharikat.

Russia telah memberi amaran bahawa keselamatan Amerika Sharikat dan negara2 barat akan terancam jika kapal terbang2 Amerika Sharikat terus terbang di-angkasa Russia.

Bantahan yang mungkin di-sampaikan kapada Amerika Sharikat oleh Pakistan itu mengenai tuduhan2 bahawa kapal terbang pengintip Amerika Sharikat itu telah di-tempatkan di-Peshawar sa-belum terbang ka-Russia.

Russia telah juga menudoh bahawa pangkalan2 udara di-negeri2 barat2 termasuk Turki telah di-gunakan oleh Amerika Sharikat sa-bagai pangkalan kapal terbang2 pengintip Amerika Sharikat.

Dalam hal ini kerajaan Turki telah menafikan bahawa ia bertanggung jawab atas kapal terbang Amerika Sharikat yang telah terbang di-kawasan Russia itu.

Sumber2 rasmi menegaskan bahawa Turki tidak bertanggung jawab di-bawah undang2 internasional mengenai penerbangan itu.

RANCHANGAN PEMBENAAN PUSAT LATEHAN GURU2 PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan butir2 berhubung dengan maktab latehan guru2 yang di-anggarkan berharga \$5,400,000 yang akan di-dirikan di-lembah Pantai di-sini pada bulan November tahun hadapan.

Ranchangan itu mengandungi :-

- ◆ Sa-buah bangunan enam tingkat untuk asrama dan bilek2 sharahan.
- ◆ Padang sukan dan balai penuntun sukan.
- ◆ Sa-buah dewan perhimpunan.
- ◆ Delapan buah rumah untuk pensharah2 kanan, dan
- ◆ Sa-buah mesjid untuk penuntut2.

Maktab baharu itu ada-lah di-jangka akan siap dalam bulan January 1962.

Bagi permulaan 150 orang guru pelateh akan di-ambil dalam tahun 1962 tetapi maktab itu boleh menerima sa-ramai 300 orang guru pelateh.

Kursus di-maktab itu akan mengambil masa sa-lama dua tahun.

Keputusan belum terchapai tentang kursus yang hendak di-ajarkan di-maktab tersebut. Ini akan di-putuskan dan di-umumkan oleh jawatan kuasa penyelidekan pelajaran kelak.

Pembinaan maktab baharu itu mungkin akan menamatkan dasar menghantar guru2 pelteh ka-maktab2 Krikby dan Brinsford Lodge yang tidak lama lagi akan habis tempoh pajakan-nya itu.

Ghana tetap ahli penoh Commonwealth

LONDON — Persidangan Perdana Menteri Commonwealth bersetuju bahawa Ghana sa-lepas menjadi sa-buah negara republik boleh terus menjadi ahli penoh Commonwealth.

Perdana Menteri Ghana, Dr. Kwame Nkrumah menerangkan dalam persidangan akan langkah2 yang di-ambil oleh parlemen Ghana di-Accra berikutan dengan pemungutan suara baharu2 ini di-negeri-nya.

Dr. Nkrumah telah menerangkan bahawa perubahan2 perlembagaan di-Ghana memberi pengakuan bahawa Republik Ghana akan terus menjadi ahli yang penoh dan sa-taraf dalam Commonwealth.

Perlembagaan itu juga mengakui Queen Elizabeth sa-bagai ketua perpaduan dan persatuan keluarga negara2 Commonwealth.